

## **BAB KETIGA**

### **OBJEK DALAM BAHASA ARAB**

#### **3.0. Pendahuluan**

Dalam bab kedua, sudah dibincangkan pengelasan leksikon perkataan. Bab ini akan membincangkan definisi dan struktur objek dalam bahasa Arab, jenis-jenis objek, bentuk objek, kedudukan objek depan dan belakang, selepas atau sebelum pelaku kata kerja dalam klausma ayat yang lengkap. Dipaparkan juga faktor-faktor yang mengakusatifkan objek.

#### **3.1. Objek dalam Struktur Bahasa Arab**

##### **3.1.1 Definisi objek**


Pendeta Za'ba memanggilnya sebagai "penyambut" (Abdullah Hassan, 1992 : 153). Ahli tatabahasa tradisional mendefinisikan objek sebagai "*direct object*" objek tepat iaitu, frasa nama yang bertugas sebagai benda atau objek kepada kata kerja transitif yang dilakukan oleh pelaku. Syeikh Muhammad Bin Ahmad Bin Abd. Bāri Al-Aḥḍali (TT : 3) mendefinisikan objek sebagai kata nama objek yang dikawal dan dilakukan oleh pelaku dan kata kerja transitif.

Ahli bahasa struktural pula mendefinisikannya dengan cara yang sama dan menerangkan fungsi serta kedudukan dalam ayat kompleks. Kedudukannya sentiasa akusatif yang tersurat pada akhiran perkataan objek itu (Nadīm Hussin, 1991 : 223). Objek sebagai frasa nama sesuatu

benda yang kena buat bertugas sebagai pelengkap atau penyambut dalam ayat yang sentiasa akusatif kepada kata kerja transitif. Frasa kerja yang terbentuk dari kata kerja transitif + kata sifat kerjaan boleh menjadi satu objek, dua objek dan tiga objek (Ahmad Al-Hasyimiy, 1354 : 194 -196).

Contoh ayat satu objek adalah sebagaimana berikut :

(Rajah 2) : Ayat Satu Objek.



Urutan konstituen pada ayat namaan (جملة إسمية) ialah frasa nama yang diikuti oleh kata kerja dan seterusnya diikuti oleh frasa nama; iaitu urutannya Subjek - Kata kerja - Objek. Hubungan antara konstituen-konstituen bahasa Arab dalam rajah pohon ialah seperti:

1. Zaid mempunyai hubungan [ FN ], iaitu Zaid berupa FN (subjek) kepada ayat sedang menulis surat.
2. Sedang menulis mempunyai hubungan frasa (predikat) kepada ayat Zaid sedang menulis surat.
3. Surat mempunyai hubungan [FN, Fk], iaitu surat berupa FN (objek) kepada Fk transitif dan FN pelaku.


Begitulah juga contoh ayat di atas yang boleh dianalisis dengan menggunakan gambar rajah pohon sebagaimana yang telah dikemukakan itu. Oleh itu, yang menjadi perbezaannya ialah jenis ayat kerja (**فعلية** **جملة**) iaitu Kata kerja transitif diikuti oleh pelaku dan objek.

Contohnya :

اَكَلَ مُحَمَّدٌ الْأَرْزَقَ  
(Muhammad makan nasi)

Mengikut apa yang dijelaskan oleh Syeikh Muhammad Bin Ahmad Bin Abd. Bāri Al-Aḥḍali ( TT: 2 ), objek tergolong dalam dua puluh enam frasa nama akusatif. Walau bagaimanapun George M . Abdulmassih, (1987 :151 ) menjelaskan hanya terdapat dua belas jenis frasa nama akusatif akhiran. Hal ini, dapat dilihat dengan lebih jelas sebagaimana dalam gambar rajah dua model George Abdulmassih di bawah ini.

(Rajah 3) : Fleksi Kata Nama




### 3.2. Bentuk Objek

Berdasarkan bentuknya, objek boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu, frasa nama berubah baris akhiran (إسم المُعرَّب), frasa nama tetap baris akhiran (إسم المبْتَدَى) dan masdar muawal (مَصْنَدِرُ المُؤْوَلُ).

Untuk memudahkan kita memerhati golongan-golongan berlainan yang telah ditimbulkan oleh sarjana bahasa, maka hasil mereka itu dimuatkan dalam gambar rajah supaya dapat dibandingkan dengan mudah. Contohnya seperti berikut:

(Rajah 4) : Bentuk Objek



### 3.2.1. Kata Nama Berubah

Setiap kategori ini dapat difahamkan apabila melihat ciri-ciri perhubungan antara unsur-unsur dalam instruksi seperti bentuk frasa kata:

- sama ada berubah baris akhiran jelas atau di sebaliknya .

Contohnya:

طلع الهالن : (Anak bulan telah naik)

شاهد الناس الهالن : (Manusia telah melihat anak bulan)

فرح القوم بالهالن : (Kaum itu bergembira bersama anak bulan)

Jika diperhatikan dengan teliti frasa nama الْهَلَالُ yang digunakan dalam ayat di atas menunjukkan perbezaan tanda baris di akhiran yang jelas. Walaupun perkataan yang sama digunakan namun kedudukan baris akhiran perkataan dalam ayat akan berubah mengikut faktor fleksinya.

Jenis frasa nama di atas berakhir dengan huruf konsonan صَحِيقُ الْأَخِيرِ pada akhiran perkataan. Oleh yang demikian ianya berubah mengikut faktor kedudukannya sama ada nominatif, akusatif dan jusif. Dalam contoh yang pertama الْهَلَالُ bertindak sebagai pelaku kepada kata kerja, maka fleksinya nominatif. Dalam contoh yang kedua pula الْهَلَالُ bertindak sebagai objek langsung berbaris di atas sebagai tanda akusatif. Sementara contoh yang ketiga الْهَلَالُ berada pada tempat jusif yang disebabkan oleh partikel jar حَرَثُ الْجَرِ .

Dalam kategori ini juga terdapat kata nama yang berubah bukan kerana baris akhiran tetapi perubahannya ialah huruf dengan huruf. Hal ini dapat dilihat pada kata nama duaan (مُتَّقِيٌّ) dan kata jamak (الْمُسْنَاتُ الْبَسْتَةُ) dan kata nama enam (جَمْعُ مُذَكَّرٍ سَالِمٍ) .

Contohnya :

اقْلَحَ الْمُجْتَهَدَانِ : (Telah berjaya dua orang yang rajin)

أَكْرَمْتُ مُجْتَهَدَيْنِ : (Saya telah menghormati dua orang yang rajin)

مَرَأَتُ بِالْمُجْتَهَدِينَ : (Saya telah berjalan bersama dua orang yang rajin)

Ketiga-tiga contoh di atas terdapat perbezaan pada kata nama yang bergaris dalam kedudukan fleksinya. Perubahan alif dan nun pada perkataan المُجَهَّدَانِ kepada Yā' dan nun kepada perkataan بِالْمُجَهَّدِينَ dan مُجَهَّدِينَ pada tempat akusatif dan jusif .

Contoh kata nama جَمْعُ مُذَكَّرٍ سَالِمٌ contohnya:

: جَاءَ الْمُسْتَمُونَ (Orang Islam telah datang).

: رَأَيْتُ الْمُسْلِمِينَ (Saya telah melihat orang Islam)

: دَهَبْتُ مَعَ الْمُسْلِمِينَ (Saya telah pergi bersama dengan orang Islam)

Kata nama dalam contoh pertama bertugas sebagai pelaku dan contoh kedua sebagai objek. Kedudukan objek dalam kata nama jamak sama kedudukannya dengan kata nama duaan iaitu akusatifnya dengan huruf Yā' dan nun pada akhiran perkataan. Namun begitu perbezaanya dapat dilihat dengan jelas jika diperhatikan pada baris sebelum huruf Yā' dan baris nun, iaitu bagi kata nama jamak huruf sebelum Yā' berbaris di bawah dan nun berbaris di atas الْمُسْلِمِينَ. Kata nama duaan pula di sebaliknya seperti contoh berikut : الْمُسْتَمُونَ.

Kata nama objek terdapat juga dalam kata nama enam (juga dipanggil kata nama lima) yang terdiri daripada mertua (حَمَّ), saudara lelaki (أخْ), ayah (أبْ), mulut (فُوْ), punya/milik (دُوْنَ), senang/remeh (هَنَ).

Contohnya :

: جَاءَ أَبُوكَ (Ayah awak telah datang)

أَكْرَمْتُ أَبَاكَ : (Saya telah memuliakan ayah awak)

جَلَسْتُ مَعَ أَبِيكَ : (Saya duduk bersama ayah awak )

Dalam contoh di atas berbeza kedudukan kata nama enam mengikut keadaan fleksi. Kata nama enam ini nominatif dengan wau dan akusatifnya dengan alif serta jusifnya dengan Ya'. Oleh yang demikian fleksi objek bagi kata nama enam adalah dengan huruf alif.

- Kata nama berubah yang difleksinya dengan baris andaian (حَرْكَةُ الْمَقْدَرَةِ). Kata nama objek ini diakhiri dengan huruf vokal (اسْمُ الْمَقْصُورِ) iaitu kata nama pendek (معْتَلٌ الْآخِيْرِ) dan kata nama cacatan (اسْمُ الْمَنْفَوْصِ). Kata nama pendek ini diakhiri dengan huruf alif yang tetap sama ada dengan gambaran alif seperti العَصَنَ (tongkat) atau dengan gambaran Ya' seperti مُوسَى.

**Contoh andaian dengan alif :**

كَسَرْتُ الْعَصَنَ : (Saya patahkan tongkat)

الْعَصَنَ طَوِيلَةً : (Tongkat itu panjang)

ضَرَبْتُ بِالْعَصَنَ : (Saya pukul dengan menggunakan tongkat).

Semua kata nama di atas terdiri daripada kata nama yang sama tetapi kedudukan fleksinya berlainan. Walau bagaimanapun kata nama ini diandaikan kedudukan fleksi barisnya sama ada akusatif,

nominatif dan jusif. Bagi kata nama objek ia diandaikan akusatif dengan alif (فَتَحَةُ الْمُقْدَرَةِ بِالْأَلِفِ).

**Contoh andaian dengan ya'** ( مُقْدَرَةٌ بِالْيَاءِ ) :

( جاءَ الْفَتَى ) ( Pemuda itu telah datang)

( رَأَيْتُ الْفَتَى ) ( Saya telah melihat seorang pemuda)

( مَرَأَتُ الْفَتَى ) ( Saya telah berjalan dengan seorang pemuda)

Semua kata nama dalam contoh di atas sama bentuk dan sebutannya tetapi berbeza penggunaan dan kedudukan barisnya iaitu diandaikan dengan *yā'* sebagai tanda gantian akusatif , nominatif dan genetif. Hal ini berlaku kerana barisnya tidak boleh zahirkan disebabkan oleh kecacatan atau keuzurannya. Oleh itu, fleksinya diandaikan dalam semua keadaan seperti akusatif, nominatif dan genetif. Dalam contoh yang pertama perkataan *الفتى* bertugas sebagai pelaku kata kerja dan fleksinya diandaikan. Dalam contoh yang kedua *الفتى* sebagai objek tepat.

Objek daripada kata nama cacatan iaitu kata nama yang diakhiri dengan huruf *Yā'* dan huruf sebelumnya berbaris di bawah seperti *قاضى* , *محامى*.

Contohnya :

( جاءَ الْمُحَامِي ) ( Telah datang peguam)

( قِيلَتُ الْمُحَامِي ) ( Saya telah berjumpa peguam)

( دَهْبَتُ مَعَ الْمُحَامِي ) ( Saya telah berjalan bersama peguam)

Bagi kata nama objek (المُحَامِي) dihidupkan barisnya iaitu akusatif secara jelas seperti dalam contoh yang kedua. Selain daripada itu keadaan fleksinya diandaikan. Perbezaan kata nama ini dengan kata nama pendek ialah huruf sebelum Ya' berbaris di bawah dan keadaan akusatifnya berbaris di atas. Bagi kata nama pendek pula di sebaliknya.

### 3.2.2. Kata nama tetap (اسم المبْتَدِئ)

Bentuk frasa yang tetap barisnya tidak berubah sama ada baris atas, baris depan, baris mati dan baris bawah. Maka kedudukan fleksi akan diandaikan. Antaranya seperti di bawah ini:

ك - ganti nama kedua untuk maskulin (engkau/awak)

ئخنُ - ganti nama pertama untuk ramai (kami)

هُمْ - ganti nama ketiga (mereka)

أثتِ - ganti nama kedua bagi feminim (awak/engkau)

Contoh frasa ayat objek :

رأيَهُمْ مَاشِيَا : (Saya melihat mereka berjalan)

FK رأيَهُمْ + FN (pelaku) تَ + FN مَاشِيَا + FN (keterangan)

رأيَتْ = kata kerja transitif


تَ = Tā' pelaku yang tersirat iaitu, ganti nama pertama diandaikan saya (أنا) bersambung dengan kata kerja.

هُمْ = adalah frasa nama tetap berbaris mati (مبني على السكون) yang tidak berubah sekalipun berada pada tempat akusatif, genetif dan nomatif yang melengkapkan klausa ayat kompleks sebagai objek kepada kata kerja melihat.

### 3.2.3.Kata nama terbitan andaian (المصدر المؤول )

Objek juga terdiri dari kata nama terbitan andaian iaitu gabungan antara partikel akusatif (أن) dengan kata kerja yang berperanan sebagai pelengkap kepada klausa ayat kompleks. Perhatikan contoh ayat di bawah ini :

(Rajah 5) : Ayat Kata Nama Terbitan



Partikel + Kata kerja = Objek      Kata kerja + Pelaku

(Saya harap awak akan berjaya)

الْمُمْتِنِى = kata kerja kala lepas nominatif. Tanda dikenali nominatif iaitu alif andaian terkandung pada akhiran perkataan tersebut yang tidak jelas kerana keuzuran atau kecacatan (تشذير). Pelaku bagi kata kerja tersebut ganti nama pertama yang tersirat padanya diandaikan saya.

**أن** = Partikel nominatif tetap barisnya dan tidak mempunyai kedudukan fleksi dalam analisis sintaksis tatabahasa Arab.

**تَسْجَحُ** = Kata kerja kala kini akusatif. Untuk mengenalinya terdapat baris atas pada akhiran perkataan secara jelas .

= Pelakunya adalah ganti nama pertama tersirat yang terkandung di dalam kata kerja kala kini tersebut yang diandaikan awak maskulin (أنتَ) .

**أن تَسْجَحُ** = Partikel + kata kerja adalah frasa objek tepat dalam ayat kompleks. Binaan ayat yang diandaikan seperti berikut contohnya :

**أَتَمَنِي التَّسْجَحَ لِكَ** : (Saya harap kejayaan milik awak).

**النَّجَاحُ** – Merupakan kata nama tempat keluar bagi kata kerja kala lepas iaitu **تَسْجَحُ** dan apabila digabungkan dengan partikel akusatif (أن) maka jadilah frasa objek tepat.

### 3.3. Jenis-jenis objek

Objek dalam bahasa Arab terdapat beberapa jenis dan berbeza di antara satu sama lain yang dapat dikenal pasti. Hal ini akan diterangkan sebagaimana di bawah.

### **(المَفْوَلُ الْمُطْلَق)**

Objek terbitan adalah kata nama terbitan yang diambil dari kata asal kata kerja sebelumnya bagi tujuan penegasan, penjelasan jenis dan bilangan perbuatan yang ditunjukkan oleh kata kerja tersebut. Dengan erti kata lain ia adalah kata nama pengulangan bagi perkataan yang sama ertinya ataupun bentuknya. Hal yang demikian, dapat dilihat sebagaimana di bawah ini.

Contoh penegasan atau penguat :

حَفِظْتُ الدَّرْسَ حَقْظًا : (Saya betul-betul menghafal pelajaran)

حَقْظًا = Objek terbitan bagi tujuan menguatkan perbuatan kata kerja dan hukumnya akusatif. Bagi perkataan ini tidak boleh dimasukkan alif dan lam . Ia mesti secara indifinitif (نَكِيرٌ )

Contoh bagi penjelasan jenis :

ضَرَبَهُ ضَرَبَ المُعْلَمَ : (Saya memukulnya sebagai pukulan guru).

ضَرَبَ = Kata nama terbitan akusatif yang menerangkan jenis pukulan. Jenis pukulan yang dilakukan oleh pelaku dalam ayat di atas ialah seperti pukulan guru. Objek ini menunjukkan penjelasan jenis.

Contoh kata nama terbitan menunjukkan bilangan:

ضَرَبَهُ ضَرَبَتَنِينَ : (Saya memukulnya dua kali pukul ).

ضَرَبَتَنِينَ = Adalah kata nama terbitan menerangkan bilangan perbuatan yang telah dilakukan dalam ayat tersebut.

Contoh-contoh di atas boleh dianalisiskan dengan menggunakan gambar rajah pohon dan posisi taburan pola kata sebagaimana di bawah:


Kata kerja transitif + Pelaku + Objek + Objek Mutlaq

KKT + P + O + OM

sebagaimana contoh di bawah:

(Rajah 6) : Ayat Objek Terbitan

ضَرَبَتْهُ ضَرِبَتْنَا : (Saya betul-betul memukulnya).



Objek terbitan dapat dibahagikan kepada dua kategori (Ibn Hisyām, TT : 312) :

- 1) Kata nama terbitan sama dari segi bentuk dan makna yang lahir dari kata kerja tersebut. Contohnya :

فَتَلَأْ : فَتَلَأْتَهُ ( Aku betul-betul membunuhnya )

- 2) Kata nama terbitan maknanya seerti tetapi berlainan bentuk seperti perkataan جَسَنْ (duduk) dan قَعَدْ (duduk). Kedua-dua perkataan ini berlainan tulisan tetapi sinonim dan maksudnya sama.

Contohnya :

جَسَتْ قَعُودًا : (Saya betul-betul duduk)

### 3.3.2. Objek sebab (المقْعُولُ لِأَجْلِهِ )


Objek sebab adalah kata nama dasar terbitan hati (المَصْدُرُ الْقَلْبِيُّ) yang didahului oleh kata kerja dan wau bertujuan bagi menerangkan sebab, alasan dan tujuan sesuatu kelakuan (Emied Badi' Ya'cūb, 1991 : 79). Posisinya adalah selepas klaus ayat lengkap terutamanya ketika menjawab soalan andaian iaitu, "kenapa ?". Contohnya :

قَامَ زَيْدٌ إِجَالًا لِعُمَرَ : (Zaid berdiri kerana menghormati Omar)

Walaupun kata kerja ayat sebelumnya telah lengkap dengan subjek dan predikat seperti قَامَ زَيْدٌ = Zaid telah berdiri) namun persoalan masih lagi timbul di hati pendengar. Maka (إِجَالًا ) jawapan kepada kata kerja (قام ) iaitu mengapa Zaid berdiri ialah kerana menghormati Omar. Perkataan (قام ) merupakan kata kerja tak transitif yang tidak memerlukan objek.

Hal yang demikian, kita dapat lihat dalam gambar rajah pohon di bawah:

(Rajah 7) : Ayat Objek Sebab



(Zaid berdiri kerana menghormati Omar).

### 3.3.3. Objek pengiring ( المَقْعُولُ مَعَهُ )

Kata nama objek sebagai pelengkap akusatif berposisi selepas partikel wau yang seiringan makna dengan ( مع ) yang menunjukkan makna bersama-sama atau serentak (Ibn Hisyām, TT : 238).

Contohnya :

خَرَجْتُ وَأَنِّي الْمَغْرِبُ (Saya keluar berseiringan dengan azan maghrib)

سَافَرَ خَلِيلٌ وَاللَّيْلَةُ (Khalil telah musafir bersama waktu malam)

الإِنْسَانُ مُحَثَّرٌ وَعِلْمُهُ (Manusia dihormati bersama-sama ilmunya)

Untuk menampakkan peranan wau dalam ayat di atas menunjukkan makna seiringan kita boleh pecahkan ayat tersebut kepada dua sebagaimana berikut:

1. سَافَرَ خَلِيلٌ (Khalil telah bermusafir)
2. سَافَرَ اللَّيْلُ ( malam telah bermusafir)

Contoh 1 merupakan satu ayat yang lengkap dan berlainan pula dengan contoh ayat 2. Ayat yang kedua ini salah dari sudut maknanya kerana malam tidak boleh bermusafir. Apabila kedua-dua ayat ini digabungkan ia memerlukan kepada partikel wau. Dengan itu, ayat ini membawa makna seiringan. Semua kata nama bergaris yang berada selepas huruf partikel wau merupakan objek pengiring berbaris di atas dengan jelas sebagai tanda akusatif. Partikel wau ini menunjukkan makna bersama dan seiringan dalam klausa ayat yang lengkap. Objek pengiring ini berbeza dengan huruf wau penghubung (الوَوُ الْعَطْف) dari segi semantik dan kedudukan fleksinya dalam klausa ayat. Partikel penghubung menjadi perantaraan kepada dua kata nama atau dua kata kerja dan mengikat kedua-duanya dari segi makna dan fleksi.

Partikel ikutan itu ialah: فَ (lantas), ثُمَّ (kemudian), أَمْ (atau) ، بَلْ (tidak begitu/tidak/tetapi)، لَا (tidak)، وَ (dan), أَوْ (atau)، حَتَّى (hingga), لَكِنْ (tetapi)، إِمَّا (ataupun).

Contohnya :

حضرَ مُحَمَّدٌ وَ حَسَنٌ : ( Mohammad dan Hassan hadir )

وَهُبَّى الْمُدْيَرُ سَعِيدٌ وَزُهَّيْرٌ	: (Said dan Zuhairi telah dilantik sebagai pengetua)
ثَرَوْجَ سُعَادٍ لَوْ أَخْتَهَا	: ( Kahwinilah Sua'd atau saudaranya )

Cuba kita perhatikan dalam contoh-contoh di atas kedudukan partikel wau sama dengan objek pengiring tetapi fungsi dan peranannya berbeza dalam klausa ayat lengkap. Dalam konteks ayat ini wau membawa makna "dan". Ia menunjukkan kata kerja itu sama-sama dilakukan oleh pelaku. Merujuk kepada contoh di atas, kita boleh pecahkan ayat tersebut kepada dua ayat yang lengkap dan tidak berubah makna dan maksudnya. Contohnya:

حضرَ مُحَمَّدٌ : ( Muhammad telah hadir)

حضرَ حَسَنٌ : ( Hassan telah hadir)

Contoh ayat ini membawa maksud yang sama antara satu sama lain dan tidak cacat makna dari segi logik akal. Fleksi kedua-kedua kata nama itu nominatif yang merupakan pelaku kata kerja (حضر) dalam ayat tersebut. Hal ini berlainan pula dengan objek pengiring sebagaimana yang telah dijelaskan dalam contoh (سَافَرَ خَلِيلٌ وَاللَّيْلَ). Maka dengan mengetahui dan menguasai ciri dan fungsi inilah dapat membezakan objek pengiring dengan wau penghubung (الواوُ العَطْفُ) yang dapat dilihat secara jelas .

### 3.3.4. Objek keterangan (المقْعُولُ فِيهِ)

Dalam hal ini ia merupakan kata nama yang menerangkan masa dan tempat bagi kelakuan kata kerja yang menjadi jawapan kepada soalan andaian bila dan di mana bagi menyempurnakan kata kerja.

Contoh bagi menerangkan masa :

سَافَرَتِ الطَّائِرَةُ لِلَّيلَةِ (Kapal terbang telah berlepas waktu malam )

سَافَرَتِ = kata kerja kala lepas tak transitif

الطَّائِرَةُ = kata nama pelaku

لِلَّيلَةِ = objek keterangan masa yang berada pada tempat akusatif

Di bawah ini adalah kata nama yang menunjukkan adverba masa (ظرفُ الزَّمَانِ) yang terdiri daripada :

بِرْهَةٌ سَكْنَةٌ لَيْلَةٌ غَدَاءٌ (seketika), سَنَةٌ (esok), مَسَاءٌ (malam), لَحْظَةٌ (tahun), بِرْهَةٌ (sebentar),  
أُسْبُوعٌ شَهْرٌ صَبَاحٌ (petang), مَسَاءٌ (pagi), ظَهْرٌ (zohor), بَلْعَامٌ (bulan), قُثْرَةٌ خَلْلَةٌ (minggu), أَشْتَاءٌ سَاعَةٌ (hari), يَوْمٌ (jam), كِتْمَةٌ مُدَدَّةٌ (ketika), فَتْرَةٌ خِلَالٌ (tempoh),  
بَعْدَ مُدَدٌ (selang waktu), طُولًا مُدَدًا (masa,waktu sebentar/lama), حَتَّىٰ (sepanjang), حَتَّىٰ (selepas), حِينٌ (ketika ).

Kata nama adverba tempat (ظرفُ المَكَانِ) yang terdiri daripada :

فَوْقَ (atas), وَرَاءَ (bawah), أَمَامَ (hadapan), ثَخْتَنَةً (belakang), خَلْفَ (belakang), ثَخْنَةً (atas),  
شَمَالٌ جُنُوبٌ (kanan), يَمِينٌ (utara), شَمَالٌ (selatan), غَرْبٌ (barat), وَسْطٌ (timur), بَيْنَ (antara), عَنْدَ (di sisi/di samping), شَرْقٌ

كِيلُومِيْتر (kilometer), فَرْسَخٌ (1 farsah=8 Km).  
مَيْنٌ (tengah), تَحْوُرٌ (di sisi), تَجَاهٌ (terhadap), لَدَىٰ (hala),

### 3.3.5. Objek tepat (المَقْعُونُ بِهِ)

Objek tepat ialah kata nama akusatif sesuatu atau perkara yang dibuat oleh pelaku kata kerja transitif. Dalam bahasa Melayu perkara ini disebut sebagai objek. Objek tepat dibaca dengan baris di atas. Objek ini mengandungi objek pertama, kedua dan ketiga (Abduh Rājihī, 1985 : 195). Hal ini akan dijelaskan di bawah :

Contohnya :

فَهِمْتُ الدَّرْسَ (Saya telah memahami pelajaran)

يُعَالِجُ الطَّبِيبُ الْمَرْيِضَ (Doktor sedang merawat pesakit)

Ayat di atas mengandungi kata kerja transitif iaitu **(فَهِمَ)** memerlukan objek untuk menyempurnakan maksudnya. Perkataan **(الدَّرْسُ)** merupakan pelengkap ayat tersebut dan **Tā'** pelaku kata kerja transitif. **(يُعَالِجُ)** merupakan kata kerja transitif kala kini dan **(الْطَّبِيبُ)** adalah pelaku kata kerja tersebut yang mengakusatifkan objek iaitu **(الْمَرْيِضُ)**.

### **3.4. Ciri-ciri bilangan objek**

Menurut ahli bahasa kata kerja transitif boleh diterangkan dengan ganti nama diri ketiga sebagai rujukan kepada objek di akhir kata. Ini merupakan satu titik tolak yang boleh membezakan antara kata kerja transitif dan intransitif (Ibn Hisyām, 1979 : 179). Pada umumnya kata kerja tadi boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu, ekatransitif, dwitransitif dan tritransitif (Mustafa Al-Ghalayīnī, 1987 : 35 dan George M. Abdulmassih, 1991 : 174 -177).

#### **3.4.1. Klausus ayat ekatransitif (satu objek)**


Mahmud Husni Mughalaşah (267 : 1991), telah mengkelaskan kata kerja kepada dua bahagian iaitu :

- 1) Kata kerja intransitif**
- 2) Kata kerja transitif**

##### **3.4.1.1. Kata kerja intransitif**

Kata kerja intransitif ini tidak memerlukan objek untuk menyempurnakan maksudnya. Ia sudah cukup untuk difahami dengan adanya pelaku sahaja. Contohnya:

(Rajah 8) : Ayat Kata Kerja Transitif



(Telah tidur seorang bayi).

نَامٌ = kata kerja intransitif kala lepas

الظَّفَلُ = frasa nama pelaku sebagai pelengkap ayat

Ayat ini tidak memerlukan objek kerana kata kerja intransitif itu dapat menyempurnakan ayat yang lengkap. Kata kerja ini tidak boleh menerima dan mengakusatifkan sebarang objek dengan sendiri tetapi melalui perantaraan partikel genetif atau setaraf dengannya (Abbas Hassan, TT : 151). Menurut Mustafa Al-Ghalayīnī (1989 : 46) kata kerja jenis ini terbentuk berdasarkan makna yang menunjukkan aspek-aspek berikut :

- i) Kata kerja yang terdiri dari tabiat semula jadi

Contohnya : شَجَعٌ (berani) حَسْنٌ (baik/elok) فَجُحٌ (buruk/hodoh).

- ii) Kata kerja yang menunjukkan keadaan (هَيْثَةٌ)

Contohnya : طَالٌ (panjang) قَصْرٌ (pendek)

- iii) Kata kerja yang menunjukkan kebersihan

Contohnya : نَظِفٌ (bersih) طَهُورٌ (suci)

- iv) Kata kerja yang menunjukkan kekotoran

Contohnya : قَذْرٌ (kotor) وَسِيجٌ (jijik)

- v) Kata kerja yang menunjukkan warna

Contohnya : إِحْمَرٌ (hijau) إِحْمَرٌ (merah)

- vi) Kata kerja yang menunjukkan makna kecacatan

Contohnya : عَوْرٌ (buta mata) عَمِيشٌ (buta sebelah mata)

- vii) Menunjukkan makna hiasan

Contohnya : كُحْلَ (bercelak)

- viii) Kata kerja yang terbentuk dari timbangan فَعْلٌ (الوَزْنُ)

Contohnya : حَسْنٌ (mulia) كِرْمٌ (elok)

- ix) Kata kerja yang terbentuk dari timbangan إِنْفَعْلٌ

Contohnya : إِنْكَسَرَ (pecah) إِنْهَطَمَ (berderai)

- x) Kata kerja yang terbentuk dari timbangan إِقْعَلٌ

Contohnya : إِيَّضٌ (merah) إِحْمَرٌ (putih)

- xi) Kata kerja yang terbentuk dari timbangan إِفْغَانٌ

Contohnya : إِبْهَامٌ (melecung) إِزْوَارٌ (gelap gelita)

- xii) Kata kerja dari timbangan إِفْعَلَلٌ

Contohnya : إِطْمَانٌ (menggeletar) إِقْشَرٌ (tenang)

- xiii) Kata kerja dari timbangan إِفْعَتَلٌ

Contohnya : إِخْرَجَمٌ (undur) إِعْتَسَسٌ (berkumpul)

- xiv) Kata kerja yang menunjukkan sifat yang tidak tetap dan tidak bergerak. Contohnya :

حزنَ شَيْءَ (kenyang), كُسْلَ عَطَشَ (cergas), نَشَطَ (dahaga), حَزَنَ (malas),

(sedih), مَرْضٌ سَيْعَ (sakit)

- xv) Kata kerja yang menjadi المُتَلَوَّعَةُ (ekatransitif) kepada kata kerja ekatransitif.

Contohnya : إِمْتَدَ (memanjang)


مَدَّتْ الْحَبْلَ فَامْتَدَ (Saya memanjangkan tali hingga tegang)

### 3.4.1.2. Penukaran kata kerja intransitif menjadi transitif

Walau bagaimanapun dalam nahu tatabahasa Arab kata kerja intransitif boleh bertukar menjadi kata kerja transitif dengan beberapa cara di antaranya, menambahkan hamzah transitif (هـ) pada awalan perkataan atau dengan menjadikan huruf (ع) bertanda tasyid.

Contohnya كَرِمٌ (mulia) dengan penambahan penggal awalan sebagaimana contoh di bawah.

(Rajah 9) : Penukaran Kata Kerja Transitif



(Pelajar telah memuliakan sahabat karibnya)

Dalam ayat ini, رفيقة (sahabat karibnya) merupakan objek tepat bagi kata kerja أكرم (memuliakan) yang berperanan sebagai pelengkap dalam ayat tersebut. Kata kerja ini boleh mengakusatifkan objek melalui perantaraan sebagaimana contoh di atas tadi. kata kerja tak transitif ini diubahsuai dengan penambahan huruf (ا) di awalan perkataan menjadi kata kerja transitif yang memerlukan objek dalam klausa ayat

yang lengkap. Hal ini dapat dilihat dengan lebih jelas sebagaimana contoh di bawah :

جَسَّ مُوسَى عَلَى الْكَرْنِي : (Musa telah duduk di atas kerusi)

أَجْتَسَ مُوسَى عَلَى الْكَرْنِي : (ia mendudukkan Musa di atas kerusi)

Kata nama Musa dalam contoh pertama berfungsi sebagai pelaku kata kerja tetapi dalam ayat yang kedua pula bertukar menjadi objek disebabkan penambahan huruf di awalan perkataan menyebabkan berlaku perubahan maknanya. Penambahan huruf ini, jika dimasukkan pada perkataan kata kerja transitif, memerlukan satu objek bertukar menjadi kata kerja yang memerlukan dua objek .

Ibn Hisyām (1985 : 678) mengatakan bahawa kata kerja intransitif boleh ditransitifkan melalui tujuh cara seperti yang berikut:

- i) Penambahan imbuhan hamzah (الْهَمْزَةُ الْوَصْلِي) pada awalan perkataan bagi membentuk timbangan (أَفْعَلْ) yang membawa erti melakukan. Contohnya telah dijelaskan di atas tadi.
- ii) Menggandakan huruf (غ) pada pola (فَعَلْ) seperti ungkapan عَطَمْتُ لِيَكَ (Saya membesar-besarkan ayah awak).
- iii) Menggunakan timbangan (فَاعَلْ) iaitu menambahkan huruf alif ke atas huruf (ف) yang menunjukkan kepada apa yang dikenali di dalam bahasa Arab sebagai penyalingan (المُشَارِكَةُ). Hal ini

menunjukkan dua orang atau lebih, saling mengambil tindakan yang sama seperti mana yang dilakukan oleh kawan atau musuh terhadap dirinya. Misalnya:

صَارَ عَنِيْ عَلَيْ (Ali telah bertinju dengan saya)

جَالَسَ مُحَمَّدُ الْعَلَمَاءَ (Muhammad duduk "bersama-sama" ulama)

- iv) Penambahan huruf (الف), (س), (ت) pada pola (استقل). menunjukkan makna permintaan dan nisbah. Contohnya :  
إِسْتَخْرَجْتُ الْحَدِيثَ مِنْ كِتَابِ الْحَدِيثِ (saya mengeluarkan hadis  
daripada kitab hadis).

v) iaitu kata kerja intransitif yang menunjukkan makna transitif. Misalnya : وَسَعَ (رَحْبَ) memberi makna =luas (سَفَةَ نَفْسَهُ ) menunjukkan makna خَافَ = takut.

vi) Penyingkiran partikel genitif (الجر) secara kebiasaan. Contohnya: دَخَلْتُ الْفَصْلَ (saya memasuki kelas itu). Ayat tersebut pada asalnya mempunyai perantaraan dengan partikel genitif (في) iaitu,  
دَخَلْتُ فِي الْفَصْلِ (saya memasuki dalam kelas itu).

vii) Menukar timbangan kata kerja tak transitif ( فعل ) kepada timbangan ( فعل ) yang mana timbangan kata kerja (المُضَارِع) الفعلُ

kala kininya ialah ( يَقْعُلُ ) untuk menunjukkan makna melampau.

Contohnya :

كَرِمُ النَّاجِحٍ → كَرِمَتَا النَّاجِحَ  
(telah mulia orang yang berjaya itu) → (kami telah memuliakan  
orang yang berjaya itu)

Mustafa Ghalayini (1987 : 48), menyarankan bahawa jenis kata kerja ini boleh ditransitifkan dengan perantaraan partikel genetif seperti عَنِ الشَّرِيكِ dan (بِ) misalnya : أَغْرَضَ عَنِ الشَّرِيكِ (jauhilah dari perkara syirik), تُمسَّكَ بِالْفَضْيَةِ : (berpeganglah dengan kebaikan).

### 3.4.1.3. Kata kerja transitif

Kata kerja transitif ialah kata kerja yang mesti disertai objek untuk membentuk klausa ayat sempurna yang bertugas sebagai predikat dalam ayat. Dalam kata kerja transitif terbahagi kepada dua iaitu,

بيان المَعْلُومِ (ayat aktif dan بيان المَجْهُولِ) ayat pasif. Ayat aktif iaitu ayat yang menyebut pelaku di dalamnya sama ada disebut secara ظاهر (nyata atau مُضْمِرٌ) ganti nama contohnya sebagaimana di bawah :

فتح الباب (pelajar itu membuka pintu)

فتح = kata kerja transitif yang aktif .

الباب = frasa nama satu objek atau objek tepat.

الطالب = Kata nama pelaku bagi kata kerja transitif.

Ayat pasif iaitu ayat yang tidak menyebut pelaku di dalamnya contoh seperti berikut :

فُتْحَ الْبَابِ = (pintu itu dibuka)

فُتْحٌ = Kata kerja pasif

الْبَابِ = Kata nama ini bertukar menjadi (النَّائِبُ الْفَاعِلُ) pengganti pelaku.


Di dalam ayat ini tidak diketahui siapakah pelaku bagi kata kerja tersebut. Frasa nama selepas kata kerja itu tidak lagi dinamakan objek. Kata nama ini bertugas sebagai pengganti pelaku kata kerja pasif. Dari segi makna semantik kata nama ini merupakan objek yang dikenai oleh kata kerja yang tidak diketahui pelakunya.

### 3.4.2. Frasa ayat dwitransitif (dua objek)

Mahmud Husni Maghalašah (1991 : 269), telah menjelaskan mengenai kata kerja transitif yang mengakusatifkan dua objek terbahagi kepada dua iaitu :

- 1) Kategori kata kerja yang mengakusatifkan dua objek bukan asal dari subjek dan predikat yang juga memadai dengan satu objek. Antara kata kerja tersebut seperti منَحَ (memberi), سَأَلَ (meminta), عَلِمَ (tahu), كَسَّا (memakai), وَهَبَ (memberi), أَعْطَى (memberi), زَوَّدَ (menambah), سَقَى (memberi minum / menyiram), أَطْعَمَ (memberi makan), رَزَقَ (memberi rezeki). Contohnya seperti berikut :

(Rajah 10) : Ayat Dwitransitif



(Saya telah memberi wang kepada pemandu)

Objek pertama bagi kata kerja itu ialah السائق dan pelaku bagi kata kerja ialah Tā' ganti nama bersambung dengan kata kerja. Manakala objek kedua pula ialah مالا.

- 2) Kata kerja yang mengandungi dua objek asal daripada subjek dan predikat yang mesti dilengkapi dengan dua objek . Kata kerja ini dikenali sebagai kata kerja rasaan hati (أفعال القلوب). Kata kerja ini mempunyai keraguan dan keyakinan serta keingkaran berkaitan dengan lintasan hati dan perasaan seseorang untuk membuat sesuatu keputusan. Menurut George M. Abdulmassih (1987:175) membahagikan kata kerja ini kepada tiga kategori iaitu :

- i) Kategori kata kerja yang menunjukkan keyakinan (أفعال اليقين) seperti: درى (jadi), علِم (mengetahui), وجَد (ada/dapati),

(mengetahui), **تَعْلَمَ** (belajar), (memperoleh), contohnya dapat dilihat dalam gamba rajah pohon seperti berikut:


(Rajah 11) : Ayat Kata Kerja Yakin



**جعل** = kata kerja kala lepas yang tetap tak berubah berbaris mati bersambung dengan kata ganti nama pertama tetap berbaris hadapan iaitu ( ت ) berada pada tempat nominatif sebagai pelaku kata kerja.

- ii) Kategori kata kerja lalu yang menunjukkan makna kemungkinan dan keharusan (**أفعال الرجحان**) seperti :
- هَبَّ (menyangka/menduga), زَعَمَ (mengira), حَجَّاً (sangka)..،  
ظَنَّ (beri), دَعَ خَالَ (tinggal), حَسِبَ (kira) contohnya seperti berikut :

(Rajah 12) : Ayat Kata Kerja Kemungkinan




( Saya telah menjadikan Zaid mulia).

کَرِيْمًا kata kerja transitif yang memerlukan dua objek . تَعَالَى kata ganti nama sebagai pelaku kata kerja transitif yang nominatif. زَيْدًا (Zaid) kata nama objek pertama dan کَرِيْمًا (mulia) kata nama objek kedua sebagai pelengkap. Di dalam contoh ayat di atas objek kedua sangat penting untuk menyempurnakan struktur ayat yang lengkap.

- iii) Kategori kata kerja yang menunjukkan makna pertukaran (أَفْعَالُ التَّحْوِيلِ) antaranya seperti berikut : رَدَ (Menolak), خَادَرَ (Menolak), إِئْخَذَ (mengambil), وَهَبَ (memberi), جَعَلَ (menjadi), حَوَّلَ (menukar) contohnya seperti berikut :

(Rajah 13) : Ayat Menunjukkan Makna Pertukaran



(Saya telah menukarkan api menjadi abu)


Dalam contoh di atas menunjukkan kata kerja itu memerlukan dua objek yang jelas. Jika objek itu satu, maka ayat ini dikatakan sebagai ayat yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syaratnya. (حُلْلٌ) Kata kerja ini dinamakan sebagai kata kerja pertukaran kerana ia boleh mengubah sesuatu dari satu keadaan kepada keadaan lain. Sebagaimana contoh di atas menukarkan api menjadi abu.

### 3.4.3. Frasa ayat tritransitif (3 objek)

Terdapat kata kerja yang mengakusatifkan tiga objek. Golongan tersebut seperti berikut : **أَرَى** (lihat), **بَثَا** (beritahu), **أَخْبَرَ** (memberitahu), **أَنْبَأَ** (memberitahu), **حَدَّثَ** (beritahu), **حَكَرَ** (mencerita), **أَعْلَمَ** (memberitahu)

Contohnya seperti berikut :

(Rajah 14) : Ayat Tritransitif



(Saya memberitahu Zaid bahawa saudaranya lulus)

أَخْبَرْتُكَ الْعَدُوَّ جِبًا : ( saya telah memberitahu awak bahawa musuh itu pengecut)

حَدَّثْتُكَ الْخَبْرَ صَادِقًا : (saya telah ceritakan kepada awak bahawa berita itu benar)

Contoh-contoh di atas menunjukkan golongan kata kerja yang berada di awalan ayat memerlukan tiga objek. Objek yang kedua dan ketiga adalah merupakan subjek dan predikat pada asalnya. Oleh yang demikian, kesemua objek tersebut berada pada tempat akusatif disebabkan kata kerja tersebut.

### 3.5. Hubungan dan kedudukan objek dalam pola ayat

Susunan kata dan morfem dalam frasa ayat, klausa dan ayat mempunyai rentetan posisi yang tertentu. Hubungan dalam susunan kata saling berdampingan antara satu dengan lain. Jika ada kata

transitif, maka tentulah ada kata nama yang menjadi pelaku dan kata nama yang dikenai iaitu objek. Struktur susunan ayat dalam bahasa Arab pada asalnya mempunyai hubungan rapat antara kata kerja, pelaku dan objek ('Abdul 'Aziz Mohammad Fākhir, 1990 : 175).

Dalam susunan ayat biasanya objek berada di belakang tetapi dalam bahasa Arab terdapat pengecualian tertentu menyebabkan objek mendahului pelaku dan kata kerja . Kedudukan objek bahasa Arab dalam pola ayat dapat dikelaskan kepada tiga seperti berikut:

### 3.5.1. Objek belakang (المَقْعُولُ الْمُؤَخِّرُ)

Tertib susunan dalam struktur asal pelaku mestilah mendahului objek yang mana terdapat empat syarat khusus seperti di bawah :

- 1) Dikhuatiri berlakunya kekeliruan dalam menentukan kata nama pelaku atau objek. Bentuk morfem, fonem dan akhiran perkataan mempunyai ciri-ciri kesamaan yang jelas dan tidak dapat dikenali perbezaannya. Contoh pola ayat seperti berikutnya :

1. سَاعَدَ مُصْنَطِفَى مُوسَى : (Mustafa telah menolong Musa)

2. أَكْرَمَتْ لَيلَى مُوسَى : (Laila telah memuliakan Musa)

Dalam contoh ayat pertama boleh menimbulkan kekeliruan, maka hukum dalam strukturnya objek semestinya berada di belakang. Jika ayat itu boleh dibezakan dari segi makna dan bentuk, maka harus objek mendahului pelaku. Sebagaimana dalam contoh yang kedua.

- 2) Apabila ganti nama pelaku bersambung tidak ditentukan atau dikhaskan oleh partikel penentu seperti **إِلَّا** , **إِنَّمَا** dan kata nama objek jelas iaitu **(إِسْمُ الظَّاهِرَةِ)**. Contohnya seperti berikut :

فَهَمْتُ التَّرْسَ : (Saya telah memahami pelajaran)

(**فَهَمْتُ**) kata kerja transitif mendahului pelaku dan objek. (**تَ'**) kata ganti diri pertama bersambung dengan kata kerja. Dalam konteks ayat ini kedudukan objek berada di belakang struktur ayat. Namun begitu, jika sekiranya ganti nama pelaku ditentukan, iaitu dipisahkan dengan partikel penentu seperti **إِلَّا** hal ini dikecualikan dengan objek di hadapan pelaku. Contohnya :

**مَا أَكْرَمَ عَلَيْنَا إِلَّا نَا** (Ali tidak diraikan kecuali saya)

Dalam contoh ayat di atas kata nama Ali sebagai objek dan pelaku bagi kata kerja itu adalah saya. Hal kata ganti nama pertama (**أَنَا**) dipisahkan oleh partikel penentu (**إِلَّا**).

- 3) Setiap kata nama pelaku dan objek merupakan kata nama dari jenis bersambung dan tidak ditentukan oleh partikel penentu salah satu dari kedua-duanya. Maka struktur susunannya objek semestinya di belakang . Contohnya:

**أَكْرَمْتَ كَمَا أَكْرَمْتَنِي** : (Aku telah meraikan engkau sebagaimana engkau meraiku)

Huruf (**تَ'**) merupakan pelaku kata ganti diri pertama berada sebelum objek , iaitu huruf (**كَ**) sebagai ganti nama diri kedua.

- 4) Apabila kata nama objek ditentukan oleh partikel penentu di atas, maka susunannya objek di belakang. Sebagaimana contoh di bawah ini :

1. مَا أَفَادَ الدُّوَاءُ إِلَّا الْمَرِيضُ ( Tidak memberi faedah ubat itu kecuali kepada pesakit).
2. إِنَّمَا يُفَيِّضُ الدُّوَاءُ الْمَرِيضُ ( Ubat hanya memberi manfaat kepada pesakit)

Perkataan yang bergaris itu adalah objek yang didahului oleh kata nama pelaku dan kata kerja. Oleh yang demikian, empat faktor inilah yang menentukan objek mesti berada di belakang.

### **3.5.2. Objek mendahului kata nama pelaku**

Dalam konteks ayat ini pula kedudukan objek mesti berada sebelum kata nama. Kata nama ini mempunyai tiga keadaan. Antaranya seperti berikut:

- 1) Apabila kata nama pelaku ditentukan oleh partikel penentu. Contohnya :

إِنَّمَا يَنْكُرُ الْفَضْلُ لِنَمَّ (Hanya dia yang mengingkari budi baik orang yang tercela)

مَا يَنْقُصُ الْمَرْءُ إِلَّا عَمَلُ الصَّالِحِ (Tidak akan faedah kepada seseorang kecuali amalan baik)

Kedua-dua kata nama yang bergaris di atas merupakan kata nama objek yang mendahului kata nama pelaku.

- 2) Kata nama objek terdiri daripada ganti nama yang bersambung dan berdampingan dengan kata kerja . Contohnya :

سَاعَدَنِي خَالِدٌ : (Khalid telah menolong saya)

سَاعَدَ merupakan kata kerja yang dilakukan oleh kata nama pelaku

Khalid . Nun pemisah (الْوُنْ لِلْوَقِيَّةِ) bertugas sebagai pemisah antara kata ganti nama diri pertama dengan kata kerja. Ya' ganti nama diri pertama (يَاءُ الْمُتَكَلِّمْ) merupakan kata nama sebagai objek dikenai kata kerja pelaku mesti berada di hadapan pelaku.

- 3) Apabila kata nama pelaku dan kata ganti nama diri ketiga terkandung dalam satu perkataan, yang mana kata ganti nama itu kembali merujuk kepada objek. Contoh ini dapat dilihat sebagaimana di bawah :

قرأَ الْكِتَابَ صَاحِبَهُ : (tuannya {pemilik buku} telah membaca buku itu)

(\*) adalah kata ganti nama diri ketiga bersambung dengan kata nama pelaku kembali berhubung dengan objek. Jika objek berada di belakang maka ayat ini tidak gramatis dan membentuk ayat yang janggal serta salah dari segi semantiknya.

Contohnya :

قرأَ صَاحِبَهُ الْكِتَابَ : (Telah membaca tuannya buku itu)

### 3.5.3. Objek mendahului kata kerja

Ada dua tanda yang akan dijelaskan mengenai kata nama objek yang semestinya berada di hadapan kata kerja seperti berikut :

- 1) Kata nama pertanyaan dan kata nama syarat menjadi objek maka, ia berhak berada di awal ayat. Jika tidak ayat itu salah mengikut struktur ayat lengkap. Contohnya

أَيْ رَجُلٌ أَكْرَمْتَ : (Lelaki manakah yang kamu muliakan?)

أَيْ kata nama pertanyaan yang berbaris di atas merupakan objek yang mendahului pelaku dan kata kerja . Ayat ini menjadi tidak gramatis dan struktur susunan ayat terbalik jika objek tadi berada di belakang. Contohnya :

رَجُلٌ أَكْرَمْتَ أَيْ : (Lelaki yang kamu muliakan manakah?)

- 2) Kata ganti nama berasingan berada selepas faktor (عامل) maka wajib berdampingan dan tidak boleh diasinkan dengan kata nama objek itu. Contohnya :

إِنَّا لَكَ نَعْبُدُ : (Akan engkau (Allah) sahaja kami sembah)

(إِنَّا ) dan (كَ) kata nama jenis berasingan tidak boleh dipisahkan lagi. (كَ) merupakan kata nama objek. Jika dipisahkan akibatnya makna berubah dari segi retorik ayat dan semantik bahasa Arab.

### 3.6. Kedudukan Fleksi Objek

Dalam bahasa Arab fleksi memainkan peranan penting dalam ayat terutamanya semasa berkomunikasi dan membaca teks. Kesalahan fleksi menyebabkan berlaku salah makna. Justeru itu, kefahaman tidak akan tercapai dengan baik. Fleksi ialah perubahan akhiran perkataan sama ada pada pergerakan baris ataupun huruf, disebabkan oleh

perubahan fungsi nahu dalam sesuatu ungkapan atau ayat (Emied Badi' Ya'cub, 1991 :105).

Dalam bahasa Arab fleksi mempunyai beberapa jenis seperti nominatif (أَنْوَعٌ) akusatif, genitif (جِرْ) dan jusif (جَزْمٌ). Objek bagi kata nama selain daripada kata nama cacatan iaitu kata nama diakhiri dengan huruf Ya' dan huruf sebelumnya berbaris di bawah, dan kata nama pendek iaitu kata nama diakhiri dengan huruf alif yang tetap (لَازِمٌ) ia memerlukan baris tertentu sebagai akusatif atau sebagai ganti akusatif. Contohnya :

ضَرَبَ مُحَمَّدًا خَالدًا

Objek bagi kata nama duaan (متّى) dan jamak maskulin penanda akusatifnya dengan yā'. Penukaran ini dikatakan penukaran huruf dengan huruf sebagai tanda akusatif. Contohnya :

ضَرَبَ زَيْدَ الْمُسْلِمِينَ (Muhammad telah memukul orang-orang Islam)

Jika م dibaca dengan baris di atas dan nun berbaris di bawah pada akhiran perkataan maka, kata nama objek tersebut adalah duaan. Bagi jamak maskulin pula adalah di sebaliknya. Dalam hal yang demikian, banyak berlaku kesalahan di kalangan pelajar dan penutur sekunder dalam menentukannya.

Kata nama objek bagi jamak feminim adalah tidak sama seperti contoh di atas. Keadaan akusatifnya berbaris di bawah sebagai tanda gantian kepada akusatif yang berbaris di atas secara nyata. Penukaran ini adalah baris dengan baris. Contohnya :

رَأَيْتُ الْمُسْلِمَاتِ (saya lihat wanita-wanita Islam)

Penambahan alif dan Tā' (ات) pada akhiran perkataan kata nama menyebabkan berlakunya perubahan makna iaitu, bilangan menjadi banyak atau ramai. Tanpa penambahan ini kata nama tersebut menunjukkan bilangannya satu.

### 3.7. Faktor-faktor lain yang mengakusatifkan objek

Selain daripada apa yang dijelaskan oleh penulis di atas tadi ternyata ada juga faktor lain yang bertugas seperti kata kerja transitif yang mengakusatifkan objek di antaranya adalah seperti berikut :

#### 3.7.1. Kata nama terbitan (مَصْدَرٌ)

Kata dasar yang beramal seperti kata kerja terbahagi kepada tiga iaitu :

- i) Kata dasar yang disangkut atau disandarkan (المُضَانِفُ)

Contohnya :

(Rajah15) :Ayat Kata Nama Terbitan Disandar




(saya kagum dengan pukulan engkau Zaid !)

أَنْزَلَ merupakan frasa objek kepada perkataan kata dasar yang beramal صَرْبِيكَ mengakusatifkannya.

- ii) Kata nama terbitan yang berbaris dua. Contohnya seperti berikut :

(Rajah 16) : Ayat Kata Nama Terbitan Berbaris Dua



Zaid merupakan frasa objek berbaris di atas dengan jelas disebabkan oleh perkataan masdar yang berbaris dua atau tanwin.

- iii) Kata nama terbitan khas dengan imbuhan alif & lam (المُعْرَفُ يَالٌ) pada awalan kata .

Contohnya :

(Rajah 17) : Ayat Kata Nama Terbitan Berimbuhan



( زَيْدًا ) adalah objek kepada perkataan masdar ( الضَّرَبُ ) kata nama khas yang beramal atau berfungsi seperti kata kerja transitif yang memerlukan objek sebagai pelengkap ayat. ( زَيْدًا ) Kata nama objek akusatif berbaris di atas.

### 3.7.2. Partisipal aktif (اسم الفاعل)

Partisipal aktif ini ada disertai dan tidak disertai dengan alif dan lam. Partisipal aktif yang disertai alif dan lam bertugas sama seperti kata kerja transitif iaitu mengakusatifkan objek sama ada kala lepas atau kala kini. Contoh yang disusuli dengan alif & lam :

هَذَا الْضَّارِبُ زَيْدًا أَمْنٌ أَوْ الآنُ أَوْ غَدًا (Inilah orang yang memukul Zaid semalam atau sekarang atau esok)

أَلْهَا = Partikel tak berubah berbaris mati .

ذَا = Kata penunjuk berbaris mati tidak berubah berada pada tempat subjek nominatif.

الضَّارِبُ= Predikat nominatif yang tersurat.

أَمْنًا = Objek langsung bagi kata nama pelaku partisif aktif.

Bagi partisif aktif tanpa alif dan lam tidak beramal mengakusatifkan objek bagi kata kerja kala lepas. Hal ini telah dijelaskan oleh Nadim Husin (1991 : 227) . Bagi kategori ini ia beramal dengan mempunyai salah satu ciri dari empat syarat berikut. Di antaranya :

- Didahului dengan partikel negatif (nafi)

Contohnya :

مَا قَارَىٰ زَيْدُ دَرْسَهُ (Zaid tidak membaca pelajarannya)

ما = Partikel negatif nafi berbaris mati tidak berubah.

قارى = Merupakan partisif aktif dalam hal nominatif dengan menunjukkan tanda depan pada bunyi akhiran perkataan.

زَيْدٌ = Pelaku (bagi partisif aktif sebagai gantian predikat

(اسم الفاعل قارى سد مسد الخبر) dalam hal nominatif bertanda

hadapan.


درَسَةً = Objek dalam hal akusatif berbaris di atas pada akhiran perkataan.

أَلْهَا = Disandarkan/ disangkut kepada (مُضَافٌ إِلَيْهِ) berbaris depan tidak berubah disandarkan kepada objek berada pada tempat genitif.

ii) Didahului oleh partikel pertanyaan. Contohnya :

(Rajah 18) : Ayat Partikel Di hadapan

objek + pelaku + subjek



(Adakah Muhammad membaca pelajarannya)

أَلْهَا = Disandarkan kepada (مُضَافٌ إِلَيْهِ)


سَانِدَةً = Sandaran (مُضَافٌ) sebagai objek

قَارِئٌ = Subjek nominatif yang menunjukkan tanda depan pada akhiran perkataan.

iii) Partisipal aktif sebagai predikat.

Contohnya :

(Rajah 19) : Ayat Partisipal Aktif



(Bahawa Allah yang menyampaikan semua urusannya)

إِنْ = Partikel akusatif yang menukar baris nominatif subjek (مُبَدِّلٌ)

kepada baris di atas sebagai kata nama (السُّمُّ إِنْ).

الله = Kata nama kebesaran bagi Allah dan merupakan kata nama (اسم) إِنْ bagi partikel akusatif berbaris di atas secara jelas pada akhiran perkataan.

بالغ = Partisipal aktif sebagai predikat kepada partikel akusatif إِنْ


beramal mengakusatifkan objek (أَمْ).

أمرَةٌ = Kata nama objek diakusatifkan oleh partisipal aktif berbaris di atas secara jelas. Ia adalah kata nama mengaitkan atau menyandarkan antara kata ganti nama bersambung (اللَّهَا) dalam frasa kata itu. (اللَّهَا) disandarkan kepada kata nama objek itu.

iv) Partisipal aktif sebagai adjektif (الصِّفَةُ) juga boleh mengakusatifkan objek yang beramal seperti kata kerja transitif.

Contohnya :

(Rajah 20) : Ayat Partisipal Aktif Sebagai Sifat



(Saya lihat lelaki yang memukul Zaid)

رأي = Kata kerja transitif kala lepas bersambung dengan ganti diri

pertama sebagai pelaku kata kerja.

ت = Kata nama pelaku bagi kata kerja transitif .

رجلا = Kata nama akusatif sebagai objek pertama.

ضاربًا = Partisipal aktif sebagai adjektif (sifat pemukul) dan objek kedua


bagi kata kerja transitif bertugas mengakusatifkan objek.

زينة = Kata nama yang diakusatifkan oleh ضاربًا dan objek ketiga.

### 3.7.3. Frasa nama kata kerja (اسم الفعل) berfungsi seperti kata kerja transitif.

Contohnya :

(Rajah 21) : Ayat Frasa Nama Kata Kerja Sebagai Kata Kerja Transitif



(Ambillah kitab itu)

دونك = Frasa nama imperatif (اسم فعل أمر) berbaris di atas sentiasa tidak berubah beramal mengakusatifkan kata nama objek (كتاب). Kata nama ini digabungkan menjadi satu frasa kata iaitu, (ك) + (دون) = خذ (Khud) = ambillah).

كتاب = Kata nama objek berbaris di atas diakusatifkan oleh frasa nama kata kerja.

### 3.7.4. Kata kerja menunjukkan makna sungguh-sungguh (صيغة المبالغة).

Kata kerja ini menunjukkan makna yang bersangatan iaitu dengan perubahan dari pola فاعل kepada فاعل مفعول :

: فَعَالٌ ع " gandaan " ع dan sisipan " ل " sebelum " ل "

: مَفْعَلٌ مُضَافٌ penambahan مُ dan sisipan " ل "

: فَعُولٌ و " disisipkan huruf " و "

: فَعِيلٌ ي penyisipan

: فَعْلٌ digugurkan " ل " dari pola asal.

Contoh wazan (timbangan) :

إِنَّ اللَّهَ سَمِيعُ الدُّعَاءِ مَنْ يَدْعُوهُ

(sesungguhnya Allah sangat mendengar doa sesiapa yang berdoa)

(إنْ) Partikel akusatif, الله kata nama (Allah Yang Maha Besar) akusatif,

سَمِيعُ predikat bagi partikel إن berbaris nominatif dengan makna

bersangatan, دُعَاءً kata nama objek berbaris di atas pada akhiran

perkataan menunjukkan tanda akusatif, مَنْ kata sendi yang tak berubah

berbaris berada pada tempat genetif sebagai sandaran dan يَدْعُوهُ adalah

kata kerja kala kini.

Contoh wazan (timbangan) :


أَمَّا الغَسْلُ فَإِنَّا شَرَابٌ

أَمَّا الغَسْلُ kata penguat berbaris di atas tidak berubah, فَإِنَّا شَرَابٌ

nama objek bagi kata kerja bersangatan iaitu شَرَابٌ mengikut timbangan فَعَالٌ.

(Rajah 22) : Ayat Makna Bersungguhan

Contohnya wazan (timbangan) قَعْدٌ :



(Zaid sangat berwaspada dalam banyak perkara)


### 3.7.5. Sifat kesamaan dengan partisipal aktif ( الصِّفَةُ الْمُشَبِّهُةُ )

( يَاسِنُ الْقَاعِلُ ).

Kata nama sifat ini serupa dengan partisipal aktif dari segi timbangan dan makna untuk membentuk kata nama itu. Kata nama ini berfungsi mengakusatifkan objek langsung.

Contohnya :

(Rajah 23) : Ayat Partisipal Aktif



(Zaid mempunyai hati yang bersih)

زَيْدٌ Kata nama sebagai subjek dan طَاهِرٌ kata nama sifat sebagai predikat yang berfungsi mengakusatifkan objek. قَلْبٌ adalah kata nama objek berbaris di atas. Ianya diakusatifkan oleh kata nama sifat طَاهِرٌ .

### **3.8.KESIMPULAN**

Apa yang jelas objek merupakan kata nama yang sentiasa akusatif berfungsi sebagai penyambut kata kerja dan pelaku ( agent : subjec) dikenakan dan dilakukan dalam klausa ayat sempurna. Objek terbentuk dari kata nama , kata nama terbitan bagi kata kerja atau frasa nama. Terdapat berbagai-bagai jenis dan bentuk serta mempunyai ciri-ciri tertentu yang dihasilkan oleh kata kerja transitif. Selain dari kata kerja ini ada juga faktor lain yang mengakusatifkan objek.

Kata nama objek terdapat berbagai-bagai jenis seperti objek sebab, objek pengiring dan objek penerangan yang sentiasa akusatif. Kedudukan objek dalam struktur ayat bergantung kepada kesesuaian dan syarat yang diperlukan. Ada kala di hadapan atau belakang kata kerja dan pelaku. Oleh yang demikian, begitu sukar bagi penutur sekunder untuk menentukan objek secara tepat kerana kealpaan dan tidak memberi perhatian mengenai kedudukan struktur dan kesesuaianya.